

23 SEP 2003

MAHATHIR-SWEDEN/I (Bergambar)

PM SERU SYARIKAT SWEDISH MELABUR, MEMPELBAGAI DAN IMPORT LEBIH DR M'SIA

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM (Sweden), 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta syarikat-syarikat Sweden untuk melabur dan mengimport lebih banyak dari Malaysia manakala yang sedang beroperasi di Malaysia patut menimbangkan untuk mempelbagai pelaburan masing-masing.

Dr Mahathir, yang sedang mengadakan lawatan tiga hari ke Sweden, berkata, Malaysia, yang mempunyai rekod yang baik sebagai pangkalan pengilangan dan eksport bagi dunia, boleh menjadi pangkalan bagi pengembangan syarikat-syarikat Sweden ke rantau Asean dan Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, walaupun merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia di kalangan negara-negara Skandinavia, imbalan perdagangan antara kedua negara sangat memihak kepada Sweden.

"Saya ingin menjemput pengimport Sweden untuk mengimport lebih banyak dari Malaysia untuk mengecilkan jurang perdagangan itu," katanya pada jamuan makan tengah hari oleh Perdana Menteri Sweden Goran Persson di kediaman rasmi Perdana Menteri Sweden itu, di sini.

Dr Mahathir berkata, terdapat lebih banyak potensi perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan sekitar rantau Asean.

"Kami percaya bahawa pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang mempunyai penduduk yang disatukan kira-kira 500 juta orang dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS\$546 bilion (RM2.074 trilion) boleh menawarkan peluang keuntungan kepada syarikat-syarikat Sweden," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Kuala Lumpur komited untuk memperbaiki hubungan dengan Stockholm dan malah hubungan bilateral antara kedua-dua negara semakin maju dengan baik sejak beberapa tahun lepas.

Selain perdagangan, satu lagi bidang yang boleh dimajukan ialah kerjasama bilateral kedua-dua negara ialah dalam pelancongan.

"Hubungan rakyat dengan rakyat melalui pelancongan adalah aspek penting menggalakkan pemahaman seterusnya antara rakyat kedua-dua negara. Kami gembira bahawa Malaysia terus menjadi destinasi pelancong Sweden," kata Perdana Menteri.

Katanya, pelawat ke Malaysia tidak sepatutnya bimbang dengan insiden negatif di negara-negara Asia Tenggara lain. Kami memberi jaminan Malaysia adalah selamat bagi pelancong."

Sebelum itu, Dr Mahathir mengetuai delegasi Malaysia mengadakan rundingan bilateral dengan rakan sejawat Swedennya di pejabat Perdana Menteri Sweden.

Dr Mahathir memberitahu majlis makan tengah hari itu bahawa kedua-dua pihak dalam rundingan bilateral telah mengadakan pertukaran pendapat yang bernas "mengenai keadaan hubungan bilateral kita di mana kita mengesahkan keinginan untuk memperluaskan kerjasama antara kedua-dua buah negara kita."

Dr Mahathir melahirkan rasa gembira bahawa perbincangan itu sangat membina dan kedua-dua buah negara berkongsi banyak perkara, khususnya wujudnya potensi yang besar untuk memajukan skop dan asas hubungan itu.

Perdana Menteri menyatakan Sweden yang merupakan negara Eropah yang paling berjaya telah mendapat pengesahan dunia bagi pencapaiannya dalam banyak bidang seperti teknologi maklumat (IT), bioteknologi, muzik dan sukan.

"Saya percaya ada potensi yang besar bagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang bioteknologi dan IT. Kepelbagaianbio Malaysia yang besar sepatutnya menarik bagi institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) Sweden..Malaysia mengalu-alukan penyertaan mereka," katanya.

Malaysia dan Sweden telah bekerja rapat bersama pada peringkat bilateral dan serantau dan di pelbagai forum antarabangsa, kata Dr Mahathir.

"Pertukaran lawatan di pelbagai peringkat telah mengukuhkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara.

"Lawatan negara oleh King XVI Carl Gustaf dan Queen Silvia ke Malaysia dalam bulan Mac 1996 telah membawa kepada perasaan muhibbah dan persefahaman antara kedua-dua buah negara.

"Malaysia sangat menghargai penerimaan Sweden terhadap lawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke Sweden dalam 2005," kata Perdana Menteri. --
BERNAMA

JS HS FR AHM